

# UiTM rai semangat kebersamaan alumni sempena Hari Alumni 2024

Oleh [Latifah Arifin](#) - Disember 19, 2024 @ 9:09pm  
latifah@bh.com.my



Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Azlinda Azman dan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib menyaksikan "Pelancaran Buku Citra Bitara & Buku Alumni Dewan Latehan RIDA" sempena Hari Perhimpunan Alumni UiTM di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam. -Foto ihsan UiTM

KUALA LUMPUR: Penganjuran Hari Alumni 2024 yang berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam hari ini menutup tirai sambutan ulang tahun ke- 25 institusi itu sebagai sebuah universiti awam di negara ini.

Acara terbabit menghimpunkan alumni universiti itu merangkumi pelbagai era, antaranya Dewan Latehan RIDA (DLR), Maktab MARA, dan Institut Teknologi MARA (ITM).

Ia antara lain membuktikan keunikan UiTM sebagai institusi yang bukan hanya melahirkan profesional Bumiputera terkemuka tetapi menyatukan komuniti alumni untuk sama-sama menggerakkan transformasi negara.

Pada masa sama, ia bermatlamat memperkuuh ikatan persaudaraan alumni dan memperingati sumbangan mereka kepada pembangunan universiti dan negara.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Datuk Prof Dr Azlinda Azman dalam ucaptamanya menyeru alumni UiTM supaya terus menyokong alma mater secara proaktif.

"Sinergi kukuh serta komitmen tinggi daripada alumni amat penting bagi memastikan sektor pendidikan tinggi terus mencapai kegemilangan.

"Alumni bukan sekadar lepasan universiti, ia juga duta ilmu, pemimpin perubahan dan penggerak agenda kemajuan negara," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib @ Sahibuddin, dalam ucapannya menekankan peranan penting alumni dalam memastikan UiTM terus relevan dan berjaya.

"Sumbangan kewangan, kepakaran, sertakeprihatinan alumni UiTM pasti memberi impak mendalam kepada alma mater.

"Dengan semangat kebersamaan ini, kita akan memastikan masa depan generasi seterusnya terus terbela," katanya.

Hari Alumni 2024 turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik, termasuk forum bertajuk 'Alumni Penggerak Transformasi Negara' dan pelancaran dua buku terbitan Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN UiTM) iaitu Wajah Alumni Citra Bitara UiTM dan "Cherita Alumni Dewan Latehan RIDA (DLR): Sharing Legacies.